

Bab 3

Etnofarmakologi Melayu: Analisis Falsafah

3.1 Pengenalan

Pemilihan dan penyelengaraan materia medika dalam sistem perubatan Melayu tradisional tidak berlaku secara berwenang. Ia adalah hasil daripada pengalaman dan pemerhatian secara objektif terhadap kesan sesuatu materia medika. Pemilihan materia medika ini juga mempunyai rasional dan justifikasi tertentu selaras dengan idea-idea dan falsafah doktrin perubatan Melayu. Etnofarmakologi Melayu seperti juga etnofarmakologi tradisional yang lain amat berkait rapat dengan sejarah kealaman (*natural history*)¹ kerana aspek-aspek seperti khasiat dan kandungan kebanyakan materia medika bergantung kepada pengetahuan tentang jenis tumbuhan, aspek taksonomi, ciri-ciri morfologi dan asal usulnya. Jika materia medika itu daripada jenis haiwan, habitatnya dan perlakuananya adalah maklumat berguna untuk menentukan

¹ Konsep Sejarah kealaman disini bermaksud pengetahuan yang berkaitan dengan geografi, geologi, botani, zoologi, mitologi, kosmologi dan lain-lain. Lihat Seyyed Hossein Nasr, *Science and Civilization in Islam* hal. 108

khasiatnya, misalnya binatang yang hidup liar di hutan cenderung mempunyai khasiat panas beberapa banding dengan binatang yang jinak.²

Konsep orang Melayu tentang ubat mencakupi pelbagai pengertian, antaranya ialah sebagai bahan farmaseutik iaitu ubat-ubat yang telah tersedia untuk digunakan bagi tujuan rawatan, pencegahan penyakit atau semasa melakukan diagnosis. Makanan juga akan dianggap sebagai ubat jika ia boleh mempengaruhi sistem badan seseorang. Ubat juga termasuklah antidot atau penawar terhadap penyakit-penyakit yang disebabkan oleh unsur-unsur toksid dalam badan seperti racun, senjata beracun dan gigitan binatang berbisa. Racun juga akan disebut sebagai ubat walaupun ia diketahui boleh membawa kesan yang memudaratkan manusia. Selain dari perkataan ubat, konsep lain yang selalu juga digunakan ialah penawar. Tetapi penawar lazimnya merujuk ubat yang khusus bertindak sebagai antidot.

Fungsi ubat ialah sebagai agen aktif yang boleh digunakan untuk mencegah dan juga merawat penyakit. Walaupun terdapat ubat yang terdiri daripada bahan makanan tetapi dalam teks-teks perubatan seperti *Bustān al-salāṭīn* dan *Kitab Taiyib al-Ihsān*, fungsi ubat dengan makanan dibezakan. Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī lebih mengutamakan makanan daripada ubat dalam penjagaan kesihatan kerana bagi Shaykh Nūr al-Dīn, kesihatan dan penyakit adalah berpunca daripada amalan pemakanan seseorang.³ Seseorang itu digalakkan menjauhkan diri daripada

² Khasiat daging binatang daripada habitat dan jenis yang berlainan ini juga ditemui dalam perubatan Ayurveda. Hal ini dibincangkan oleh Zimmermann, F., dalam "The Jungle and the Aroma of Meats: An Ecological Theme in Hindu Medicine, *Soc. Sci. Med.* Vol 27, No. 3, hal. 197 -215, 1988

³ Shaykh Nūr al-Dīn memberi penekanan ini dengan memetik kata ulama iaitu ilmu perubatan boleh diringkaskan dengan satu ayat al-Quran yang bermaksud "makan dan minum kamu jangan berlebih-lebihan bahwasanya Allah Ta'ala tidak mengasihi orang yang makan dan minum yang berlebih-lebihan". Ayat ini difahami seperti berikut; Orang yang mempunyai kesederhanaan dalam amalan makan minumnya akan diberi oleh Allah kebaikan iaitu kesihatan dan orang yang mempunyai amalan pemakanan yang buruk tidak akan dikasihi oleh Allah dan ia

mengambil ubat (yang semata-mata ubat) kecuali jika benar-benar diperlukan.⁴ Badan yang sakit tidak semestinya memerlukan ubat, kerana antara sifat ubat seperti kata Syeikh Ahmad Fatani ialah mengubah sifat badan.⁵ Ahli-ahli perubatan Islam pula kebanyakannya sependapat dengan Hippocrates dan Galen bahawa badan mempunyai kebolehannya sendiri untuk mengembalikan keseimbangannya jika disediakan keadaan luaran dan dalaman yang sesuai. Amalan pemakanan adalah faktor luaran yang boleh mempengaruhi kesihatan secara langsung.

Penekanan terhadap manipulasi diet sebagai terapeutik dalam sistem perubatan Melayu menunjukkan doktrin Galenisme Yunani telah mengalami perubahan dan penyesuaian di alam Melayu. Dalam Galenisme Yunani yang disebarluaskan oleh Galen ditekankan kepentingan ubat,⁶ sedangkan dalam perubatan Melayu diet lebih diutamakan. Keutamaan diet dalam proses rawatan selari dengan idea Hippocratik yang lebih menekankan penggunaan diet. Pengaruh ini muncul tidak kerana kekuatan pengaruh Hippocrates kepada orang Arab tetapi kerana hanya sedikit sahaja karya-karya daripada korpus Hippokratik yang diterjemahkan ke bahasa Arab dan ianya tidak sekuat pengaruh dan karya Galenisme.⁷ Perbezaan ini disebabkan oleh pengaruh tradisi perubatan Nabi yang lebih menekankan penggunaan diet dalam sistem perubatannya. Pengaruh Perubatan Nabi ini mengalir ke dalam perubatan Melayu

akan dijauhi dari rahmat Allah iaitu kesihatan sebaliknya akan diberi balasan dalam bentuk keuzuran atau sakit. Lihat *Bustān al-Salātīn*, Ms. no. 21514 hal. 103

⁴ Shaykh Nūr al-Dīn memberi sebuah anekdot iaitu tentang seorang raja yang dinasihatkan menjauhkan diri dari sebarang ubat kecuali bila benar-benar diperlukan. *Bustan al-salatin*, Ms. no. 21514, hal. 141

⁵ *Kitab Taiyib al-Ihsān*, hal. 11

⁶ Walaupun Galen menyatakan humoralsme Hippocrates dalam sistem perubatannya, tetapi ia lebih menekankan penggunaan ubat(drug) berbanding dengan diet yang lebih ditekankan oleh Hippocrates. Lihat W.F.Bynum, et al. *Dictionary of the History of Science*, (London: Macmillan Press, 1981) hal. 419

⁷ Ullmann, M., *Islamic Medicine*, hal. 11

melalui teks-teks hadis yang menjadi antara sumber asas ajaran Islam yang di bawa bersama oleh cerdik pandai dan pendakwah Islam ke alam Melayu.

Untuk mengetahui perbezaan di antara ubat, makanan dan racun, Sheikh Ahmad Fatani memberi satu kaedah yang jelas untuk menentukan jenis-jenisnya. Bahan yang dikenakan atau dimasukkan dalam badan sama ada daripada jenis ubat atau makanan mengikut Sheikh Ahmad Fatani boleh dibahagikan kepada enam kategori iaitu;

- (1) Makanan semata-mata. Ia boleh diubah sifatnya oleh sistem badan sehingga menjadi sebahagian daripada badan iaitu dalam bentuk zat-zat badan, tetapi tidak membawa kesan atau perubahan kepada sistem badan.
- (2)Makanan yang juga sebagai ubat. Ia dapat bertindak sebagai makanan dengan diubah sifatnya menjadi zat-zat untuk pertumbuhan badan dan sekali gus sebagai ubat kerana dapat mengubah sistem badan.
- (3) Ubat yang sederhana. Ia boleh berubah tetapi tidak mengubah sistem badan dan tidak dapat memberi zat kepada badan.
- (4)Ubat semata-mata. Ia berpotensi besar mengubah sistem badan tetapi tidak akan menjadi zat kepada badan.
- (5)Racun yang menyerupai ubat. Ia boleh berubah dan mengubah sistem badan tetapi akhirnya akan membinasakan badan.

(6) Racun semata-mata. Ia tidak akan berubah sifatnya sebagai racun sebaliknya akan mengubah sistem badan dan membinaaskan sistem badan.⁸

Setiap makanan, ubat ataupun racun mempunyai keupayaan tersendiri kerana setiap satu mempunyai temperamen tertentu bergantung kepada anasir-anasir yang dikandungnya. Syeikh Ahmad Fatani mengingatkan para tabib bahawa ubat untuk seseorang itu mungkin racun kepada seorang yang lain.⁹ Oleh itu pengetahuan tentang khasiat dan temperamen ubat dan juga temperamen pesakit adalah dua aspek penting yang dititikberatkan dalam penyelengaraan ubat dalam ilmu farmakologi Melayu selain daripada pengetahuan tentang anasir-anasir, humor dan fisiologi atau anatomi tubuh.

Materia medika yang digunakan ini datangnya daripada sumber tumbuhan, haiwan ataupun galian. Khazanah materia medika orang Melayu diperkayakan lagi oleh pengetahuan mereka dalam bidang botani, zoologi dan juga mineralogi.¹⁰ Bahan yang paling banyak digunakan ialah daripada alam tumbuhan, diikuti oleh haiwan dan kemudian alam mineral. Bahagian-bahagian tumbuhan yang digunakan ialah akar, kulit, daun, buah, biji, bunga, ataupun getah. Bahagian-bahagian dari haiwan yang digunakan pula diambil dari seluruh bahagian haiwan tertentu seperti organ-organ dalaman haiwan, tanduk, kulit dan lain-lain. Mineral juga digunakan sebagai bahan penting dalam farmakologi Melayu. Antara bahan yang digunakan ialah garam, boksit,

⁸ Kitab *Taiyib al-Ihsān*, hal. 11. Transliterasi perkara ini terdapat dalam bab 6. Berbeza daripada sistem perubatan Yunani seperti yang diberikan oleh al Majusi yang membahagikan makanan dan ubat hanya kepada empat kategori dan bukan enam sebagaimana yang diberikan oleh Sheikh Ahmad Fatani dalam *Kitab Taiyib al-Ihsān*. Untuk pembahagian yang dibuat oleh ahli perubatan Islam al-Majusi, Lihat, Ullmann, M., *Islamic Medicine*, hal. 100.

⁹ *Kitab Taiyib al-Ihsān*, hal. 13

¹⁰ Pengetahuan masyarakat tempatan tentang haiwan, tumbuhan dan mineral masih menjadi satu keistimewaan yang dikagumi misalnya di kalangan orang asli di Semenanjung.

sulfur, kapur, koalin dan galin-galian berharga yang lain seperti emas, perak dan sebagainya.

Materia medika yang digunakan ini bukan setakat bahan tempatan, malah daripada sumber-sumber yang dibawa masuk dari luar seperti dari benua kecil India, Timur Tengah dan negeri-negeri Asia yang lain. Contohnya daun Senna makki (*Cassia angustifolia*) yang berasal dari semenanjung Arab telah digunakan oleh masyarakat Melayu sejak dahulu lagi sebagai satu materia medika yang penting. Dalam Ms. 33 ia disebut sebagai ubat sakit demam panas, sakit kepala dan getahnya untuk ubat penyakit serawan.¹¹ Dalam *The Medical Book of Malayan Medicine* ia disebut sebagai ubat yang mempunyai begitu banyak kegunaannya¹² dan dalam *Kitab Taiyib al-Ihsān* ia menjadi salah satu campuran penting dalam menyediakan pencahar kepada humor yang berlebihan dalam badan.¹³ Sesetengah materia medika yang pada asalnya diimport telah menjadi tanaman atau haiwan tempatan melalui proses pembiakan dan ada yang masih terus diimport hingga sekarang dari tempat asalnya.¹⁴

Kaedah-kaedah merumus ubat yang digunakan dalam sistem perubatan Melayu banyak diperolehi dari pengetahuan farmakologi tamadun India dan Arab. Penggunaan minyak urut misalnya diambil daripada sistem perubatan Ayurveda dan pembuatan maajun pula berasal daripada pengetahuan orang Arab. Malah ada kemungkinan cara merumuskan materia medika yang digunakan dalam farmakologi Melayu mempunyai asal usul Yunani. Misalnya ubat yang digunakan sebagai penawar racun seperti racun ipoh yang disebut dalam Ms. 33 ialah dengan mengasah ketam

¹¹ A. Samad Ahmad, *Warisan Perubatan Melayu*, hal. 37 dan 43.

¹² *The Medical Book of Malayan Medicine*, hal. 382

¹³ *Kitab Taiyib al-Ihsān*, hal. 10

¹⁴ Untuk materia medika yang terdapat di Alam Melayu ini dan tentang asal-usul bahan-bahan berkenaan diberikan oleh Burkhill, I. H. *A Dictionary of Economic Products of the Malay Peninsula*. Ed. ke-2. (Kuala Lumpur: Governments of Malaysia and Singapore, 1966)

laut dengan air asam limau dan dibubuhkan di tempat yang terkena racun itu.¹⁵ Materia medika dan cara rawatan seperti ini telah disebut oleh Dioscorides¹⁶ untuk merawat gigitan ular yang berbisa. Caranya yang digunakan adalah hampir sama iaitu dengan mengambil abu ketam yang dibakar dan kemudian disapu di tempat gigitan. Sungguhpun kaedah ini terdapat dalam karya Dioscorides tetapi orang Melayu memperolehinya melalui sumber Arab. Dalam Kitab *Qānūn Fi Tibb*, Ibn Sīnā menulis tentang sejenis ketam yang boleh diperolehi dari laut Cina Selatan yang dipanggil "saratan bahri" yang boleh digunakan sebagai antidot racun.¹⁷

Walaupun pengetahuan orang Melayu tentang kegunaan sesuatu materia medika telah terkumpul dari pengalaman sendiri dan juga datang dari berbagai arah pengaruh yang merentas satu jangka masa yang lama tetapi terdapat satu sistem atau asas kerangka teori farmakologi yang digunakan. Tujuan pemberian ubat kepada seseorang bertujuan mengembalikan keseimbangan badan yang terjejas akibat perubahan temperamen humor tertentu dalam badan. Pemberian ubat kepada seseorang bukan ditujukan kepada organ-organ tertentu dalam badan seperti dalam perubatan moden, tetapi khusus untuk mengubah atau mengaruh humor dalam badan.¹⁸ Kerangka teori ini berasaskan doktrin perubatan humoral dan lebih dikenali sebagai Galenisme selepas disistematikkan oleh Galen dari Pergamon.

¹⁵ A. Samad Ahmad, *Warisan Perubatan Melayu*, hal. 116

¹⁶ Dioscoredes ialah seorang ahli botani dan juga farmakologi Yunani yang mana karyanya menjadi asas kepada farmacopeia Arab. Karyanya diterjemahkan dan diperlajari secara meluas terutama di Andalusia. Oleary, D. L., *How Greek Science Passed to the Arab*, (London: Routledge & Kegan Paul Ltd., 1951) hal. 169 - 171

¹⁷ Lihat Levey, M., *The Medical Formulary*, hal. 281

¹⁸ Walaupun sasaran ubat adalah mengubah humor badan dan bukannya organ-organ dalam badan, ini tidak bermakna organ-organ tidak penting dalam teori farmakologi Melayu. Organ tetap memainkan peranan penting kerana semua humor mempunyai tempat tertentu misalnya balgham di paru-paru.

3.2 Doktrin Humoral sebagai asas teori farmakologi Melayu

Dua sumber yang sangat besar mempengaruhi farmakologi Melayu ialah doktrin Galenisme dan doktrin perubatan Nabi. Kedua-dua sumber ini dari segi teorinya adalah bersifat humoral. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam bab 1, kedua-dua sumber ini besar kemungkinan dipindahkan kepada orang Melayu melalui penulisan dan pengaruh orang Arab dan juga melalui pengaruh-pengaruh India. Pengaruh doktrin humoral ini meresap pula ke seluruh aspek sistem perubatan Melayu baik dari segi etiologi, penjenisan penyakit, diagnosis dan juga farmakologi.

Fisiologi Galen berjaya memberi rasional cara ubat mempengaruhi kesihatan seseorang. Bahan-bahan yang masuk dalam badan akan berubah dan mempengaruhi salah satu humor dalam badan. Proses perubahan bahan yang masuk dalam badan ini sama seperti yang berlaku kepada makanan iaitu dicairkan oleh kepanasan dalam badan dan bertukar sama ada menjadi darah, balgham, hemedu kuning dan hemedu hitam. Kejayaan sesuatu rawatan bergantung kepada pemilihan ubat yang tepat dan teliti setelah diketahui apakah kedudukan seseorang yang dikatakan sakit itu melalui kaedah penjenisan penyakit dan diagnosis.

Terdapat dua cara penjenisan atau nosologi penyakit dilakukan dalam sistem perubatan Melayu sebagaimana yang ditunjukkan dalam *Bustān al-salāṭīn*, *Kitab Tibb* dan *Kitab Ṭaiyib al-Iḥsān*. Cara yang pertama ialah dengan merujuk kepada bahagian badan yang terlibat. Dalam MS. 33 dan *Kitab Ṭaiyib al-Iḥsān* taksonomi penyakit dimulai dari kepala dengan penyakit seperti sakit kepala dan sakit organ-organ indera, kemudian turun kebahagian abdomen seperti penyakit cika (intestinal colic), medu (nausea) dan lain-lain dan diikuti dengan bahagian yang lebih bawah seperti penyakit

untut dan burut. Terdapat juga penyakit yang dikelaskan sebagai penyakit yang tidak khusus pada anggota badan yang tertentu seperti penyakit kulit dan juga berbagai-bagai jenis demam.

Korpus Kitab Tibb seperti MS.33 memperlihatkan satu sistem taksonomi penyakit yang agak kompleks. Setiap penyakit sama ada sakit pada bahagian anggota-anggota yang tertentu atau sakit yang disebabkan oleh penyebab-penyebab tertentu dibahagikan pula kepada beberapa jenis mengikut simptomnya. Misalnya penyakit demam boleh dibahagikan kepada beberapa jenis seperti demam panas, demam kura dan demam kepialu. Demam Kepialu¹⁹ pula boleh dibahagikan kepada beberapa jenis yang utama seperti kepialu api, kepialu kepanasan, dan kepialu yang menggigil. Dalam Ms. 33 ini diberikan juga tiga jenis kepialu yang paling merbahaya dan paling sukar diubati. Tiga jenis kepialu ini disebabkan oleh darah dan angin dengan simptom-simptom seperti sakit di bahagian abdomen seperti senak perut. Jenis kepialu yang kedua ialah demam yang mengeluarkan peluh, menyebabkan tubuhnya menjadi sejuk dan halkumnya menjadi kering. Kepialu jenis yang ketiga ialah kepialu yang disebabkan oleh angin dan mempunyai simptom-simptom seperti panas, sakit sekelian tubuh, sejuk, dingin, panas berpeluh-peluh, mulutnya kering dan penat. Kepialu juga boleh disebabkan oleh balgham yang berlebihan menyebabkan tubuh menjadi sejuk.²⁰ Beberapa jenis demam kepialu yang lain juga diberikan dalam manuskrip ini bergantung kepada simptom-simptom yang tertentu seperti kepialu bisa dan juga kepialu yang amat pening.²¹ Penjenisan penyakit demam kepialu oleh masyarakat Melayu di Kelantan, menunjukkan ciri humorai digunakan sebagai ciri penamaan demam kepialu ini. Terdapat beberapa jenis demam kepialu seperti kepialu api,

¹⁹ Kepialu disini merujuk kepada demam yang berterusan lebih daripada tiga hari. Lihat *A Dictionary of Malayan Medicine*, s.v. "kepialu"

²⁰ A. Samad Ahmad, *Warisan Perubatan Melayu*, hal. 27-30

²¹ *Ibid.*, hal. 34.

kepialu air, kepialu angin dan kepialu tanah, mengikut sifat-sifat unsur alam yang empat.²²

Selain daripada pengkelasan mengikut anggota badan, pengkelasan berdasarkan humor juga dilakukan. Ada penyakit yang disebabkan oleh balgham, disebabkan oleh darah dan lain-lain. Dengan prinsip doktrin humoral ini taksonomi penyakit dibahagikan kepada dua iaitu penyakit jenis sejuk ataupun panas berdasarkan sifat humor yang terlibat. Demam kura adalah sejenis penyakit yang sejuk kerana berlebihan balgham dalam badan. Ada penyakit yang dikatakan panas seperti demam panas kerana disebabkan oleh berlebihnya humor darah. Setengah penyakit dikaitkan langsung dengan keadaan humor dalam badan, seperti demam kuning kerana berlebihannya air hempedu kuning dalam badan.

Kaedah diagnosis juga bersifat humoral iaitu dengan melihat simptom-simptom penyakit yang dapat memberitahu perubahan-perubahan yang berlaku ke atas humor dalam badan. Beberapa diagnosis untuk mencari simptom ini seperti yang diterangkan dalam Bab 2 ialah dengan melihat warna badan, merasa nadi, melihat warna najis dan juga dengan mengesan perubahan temperamen pesakit.

Setelah penyebab penyakit dan jenis penyakit diketahui dengan menggunakan diagnosis yang telah diterangkan maka kaedah rawatan juga akan bersifat humoral iaitu dengan prinsip alopati atau *contraria contrariis*. Mengikut prinsip ini rawatan dijalankan dengan memberi makanan ataupun ubat yang berlawanan dengan jenis penyakit orang yang hendak dirawat. Orang yang mendapat penyakit yang sejuk seperti penyakit sawan akan diberi rawatan dengan menggunakan ubat yang panas

²² Werner, Roland, *Bomoh/Dukun, The Practice and Philosophies of Traditional Malay Healer*, Institute of Ethnology, University of Berne, 1986, hal. 63.

dan menjauhkannya daripada terkena anasir-anasir yang sejuk seperti angin. Contohnya dalam Ms. 33 diberikan ubat sawan seperti berikut;

Akan ubatnya, hendaklah kita kurung dia dalam rumah yang tiada masuk angin ke dalamnya. Maka sekalian tubuhnya itu digosok dengan kunyit dan minyak lenga. Beri dia makan benda-benda yang lemak manis, yang hangat perangainya, serta nasi dan kuning telur ayam atau daging kambing dan biri-biri atau minyak sapi madu dan sakar²³.

Penyakit sawan dikenali oleh masyarakat Melayu sebagai sejenis penyakit yang sejuk dan mangsanya hendaklah dielakkan daripada terkena angin yang sejuk. Untuk memulihkannya ubat yang berlawanan dengan sifat sejuk digunakan, dalam kes ini disebutkan materia medika seperti kunyit, minyak lenga, dan makanan yang lemak manis serta daging. Materia medika ini dipercayai akan memanaskan humor darah dan menyebabkan sistem badan yang sejuk kembali panas dan seimbang dengan keadaan persekitaran.

3.2.1 Pengenalan khasiat Ubat

Selaras dengan doktrin humoral, dalam sistem etiologi, diagnosis dan nosologi penyakit, kaedah rawatan dijalankan menggunakan materia medika yang terlebih dahulu dikenalpasti khasiatnya sama ada bersifat sejuk atau panas. Cara yang paling kerap digunakan dalam farmakologi Melayu ialah berdasarkan rasa materia medika berkenaan.

Kitab *Bustān al-Salāḥīn* memberikan satu kaedah mengenal pasti khasiat sesuatu materia medika dan juga makanan iaitu berdasarkan rasa fizikal bahan itu. Rasa dibahagikan kepada sembilan jenis iaitu pedas, pahit, manis, masin, masam,

²³ A. Samad Ahmad, *Warisan Perubatan Melayu*, hal. 142

tawar, kelat, liat dan lendir. Bahan yang mempunyai rasa yang pedas, pahit, masin dan manis dikategorikan sebagai mempunyai khasiat panas. Sementara bahan yang mempunyai rasa yang masam, tawar, kelat, lendir dan liat dianggap sejuk khasiatnya.²⁴

Berdasarkan prinsip ini dengan mudah satu sistem klasifikasi makanan dan ubat diwujudkan. Materia medika yang mempunyai rasa yang masin seperti garam termasuk dalam kategori panas. Bahan yang pedas seperti lada dan yang seumpamanya juga di dalam kategori panas. Begitu juga yang pahit seperti kopi dan tumbuhan lain yang pahit bersifat panas. Makanan yang manis juga termasuk dalam kategori panas. Manakala bahan yang mempunyai rasa masam seperti limau, yang kelat seperti teh, yang berlendir seperti kacang bendi dan juga yang tawar sahaja seperti kebanyakan sayuran dan juga yang liat di dalam kategori sejuk. Penjenisan sifat ubat mengikut rasanya adalah seperti jadual di bawah.

Rajah 3.1 Penjenisan khasiat ubat/makanan mengikut rasa

Khasiat	Rasa	Contoh ubat/makanan
Panas	Masin	garam, ikan kering
	pedas	lada, lengkuas,cili
	pahit	kopi, putarwali
	manis	gula, madu dan buah
Sejuk	masam	asam, cuka
	tawar	sayur-sayuran
	kelat	teh , daun jambu
	lendir dan liat	sayuran seperti bendi

²⁴ *Bustān al- Salāfiñ* , Ms. no. 21514, hal. 116

Prinsip di atas digunakan oleh orang Melayu dengan konsisten untuk mengklasifikasi makanan dan materia medika yang mereka gunakan. Kajian-kajian yang dilakukan oleh Hart di Telok Kumbar Pulau Pinang,²⁵ Laderman di Mercang, Terengganu,²⁶ dan Manderson di Semenanjung Malaysia²⁷ membuktikan bahawa terdapat satu keseragaman pola klasifikasi yang dikongsi oleh seluruh orang Melayu iaitu sama seperti yang digariskan oleh kitab *Bustān al-Salāṭīn*.

Dalam sistem perubatan Melayu popular dan semasa, cara orang Melayu mengklasifikasi materia medika dan makanan kepada jenis sejuk atau panas melalui kaedah rasa, pengenalan sifat-sifat fizikal dan habitat sesuatu jenis tumbuhan. Penentuan bahan-bahan ini adalah seperti berikut:

Bahan yang Panas: Rempah-rempah termasuk tumbuhan rizom seperti halia, kunyit, temu dan lain-lain yang mempunyai rasa yang pedas dikatakan bersifat panas. Makanan yang mempunyai kadar protein yang tinggi seperti susu dan telor juga bersifat panas. Begitu juga makanan yang bergaram dan masin juga dikategorikan dalam katagori panas. Ikan masin atau makanan yang diawet dengan garam akan termasuk dalam kategori ini. Bahan-bahan yang pahit juga bersifat panas. Banyak tumbuhan yang mempunyai rasa yang pahit seperti putarwali atau seruntun (*Tinospora crispa*) dan juga kopi adalah dalam kategori bahan yang panas. Oleh itu ubat yang dikatakan ubat akar kayu dan rempah ratus selalunya tergolong dalam kategori ubat yang panas. Bahan-bahan yang berlemak sama ada daripada haiwan atau tumbuhan

²⁵ Hart, Donn V., *Bisayan Filipino and Malayan Humoral Pathologies*, hal. 87 - 88.

²⁶ Laderman, C., *Wives and Midwives: Childbirth and Nutrition in Rural Malaysia*. (Berkeley: University of California Press, 1983) Hal. 44 - 48.

²⁷ Manderson, L., "Traditional Food Classification and Humoral Medical Theory in Peninsular malaysian", dalam *Ecology of Food and Nutrition*, 1981.

termasuk dalam kategori panas. Oleh itu daging lembu, kambing atau biri-biri dianggap panas, begitu juga buah yang mempunyai kandungan lemak yang tinggi seperti durian dianggap sebagai panas dan memakannya berlebihan akan memanaskan badan. Tidak ketinggalan bahan yang disenaraikan sebagai panas ialah makanan yang mempunyai alkohol seperti tapai pulut atau ubi.

Bahan yang sejuk: Tumbuhan hijau seperti kebanyakan sayur-sayuran termasuk dalam kategori makanan sejuk. Ini termasuklah buah-buahan yang tertentu seperti labu air, petola dan buah-buahan yang sejenis dengannya. Buah-buahan yang masam dan bahan-bahan yang masam seperti cuka jika dijadikana ubat juga tergolong dalam kategori ubat yang bersifat sejuk. Tumbuhan dan juga bahan yang bersifat kelat (astringent) juga termasuk dalam kategori ini. Adalah juga menjadi satu kelaziman bagi orang Melayu mengkategorikan tumbuhan dan buah-buahan yang pokoknya bersifat memanjat dalam kategori sejuk.²⁸

Beberapa kelainan dan perbezaan kecil ditemui dalam doktrin perubatan Melayu berbanding dengan Galenisme Arab. Kepada masyarakat Melayu makanan yang mempunyai rasa manis tergolong dalam kategori sejuk dan makanan yang mempunyai rasa lemak termasuk dalam kategori panas.²⁹ Dalam Galenisme Arab pula bahan yang mempunyai rasa manis dan lemak dikategorikan sebagai sederhana.³⁰ Satu lagi perbezaan ialah kitab perubatan Melayu seperti *Bustān al-salātīn* memberikan rasa sesuatu bahan hingga kepada sembilan jenis rasa, sedangkan dalam Galenisme Arab terdapat lapan jenis sahaja iaitu tidak termasuk rasa liat.³¹ Perbezaan cuaca dan

²⁸ Laderman, Carol, *Wives and Midwives*, hal. 46.

²⁹ Ibid. hal. 43

³⁰ Hunayn Ibn Ishaq, *Question on Medicine for Scholars*, terj. Paul Ghalioungui dari "Al Masa'il fi al-Tibb lil Muta'allimin", (Cairo: Al-Ahram Center for Scientific Translations, 1980) hal. 48

³¹ Ibid.

temperamen manusia di kawasan beriklim tropika menyebabkan beberapa tambahan dan ubahsuai dilakukan dalam kategori di atas selain daripada sifat doktrin Galenisme sendiri yang bersifat dinamik dan bukan satu doktrin yang bersifat monolitik dan taksonomik.³²

Walaupun *Bustān al-Salātīn* memberikan kaedah mengklasifikasi makanan dan materia medika kepada sejuk atau panas, tetapi lebih daripada tujuh puluh materia medika dan makanan yang disebut oleh pengarangnya mempunyai kombinasi dua sifat. Contohnya ketumbar mempunyai sifat sejuk dan kering. Gula bersifat panas dan basah dan buah labu sejuk dan basah.

Dalam Kitab *Bustān al-Salātīn* dan Kitab *Taiyib al-Ihsān*, setiap materia medika dapat pula dijeniskan mengikut darjat-darjat tertentu iaitu dari darjat pertama hingga darjat keempat. Misalnya ketumbar (*Coriandrum sativum*) khasiatnya sejuk pada darjat yang pertama dan kering pada darjat yang kedua. Cara yang digunakan untuk menentukan darjat ini ialah berdasarkan kesan bahan itu pada seseorang. Jika orang yang sederhana tubuhnya memakan sesuatu bahan dan tidak merasai apa-apa kesan maka bahan itu tergolong pada darjat yang pertama, contohnya ialah bunga mawar. Jika dirasai bahan itu memberi kesan maka ia adalah pada darjat yang kedua. Contohnya ialah madu ataupun halba. Bahan yang memberi mudarat kepada tubuh ialah mempunyai darjat yang ketiga, contohnya ialah seperti halia. Jika bahan itu sangat memudaratkan seperti candu, maka ia tergolong dalam darjat yang keempat dan biasanya beracun.³³ Contoh materia medika dengan sifat darjatnya diberikan dalam rajah berikut;

³² Kepelbagai Galenisme di alam Melayu ini telah disentuh oleh Hairudin Harun dan beliau menghipotesiskan terdapat versi Galenisme yang tersendiri di Alam Melayu ini. Lihat Hairudin Harun, Galenism: A Study in Philosophy of Malay Medicine.

³³ *Bustān al-Salātīn*, hal. 117 dan 121, lihat juga *Kitab Taiyib al-Ihsān*, hal. 11

Jadual 3.2: Contoh Materia Medika yang disebut dalam *Bustān al-salātin*

Nama tempatan	Nama Saintifik	Tabiat Darjat
1.Halia	Zingiber officinale	Panas ketiga kering Kedua
2.lengkuas	Alpinia officinarum	Panas ketiga kering ketiga
3.Jira putih	Nigella sativa	panas kedua kering ketiga
4. Halba	Trigonella foenum sp.	panas kedua kering pertama
5. Badam	Prunus amygdalus	Panas pertama basah pertama
6.Delima	Punica granatum L.	sejuk pertama basah pertama
7.Madu	mel	panas kedua kering kedua

jadual 3.2: Sambungan

8.Gula	sacharum	panas kedua basah kedua
9.Garam	Natrium Klorida	panas ketiga kering ketiga
10.Mentimun	Echallium alatum	sejuk kedua basah kedua

Kosmologi orang Melayu menekankan bahawa terdapat empat unsur alam yang asasi iaitu api, angin, air dan tanah. Semua bahan dan fenomena alam ini terbentuk daripada kombinasi empat unsur asasi ini. Sungguhpun begitu setiap kejadian akan mempunyai satu unsur dominan yang akan menghasilkan dua tabiat pada kejadian itu. Misalnya jika satu kejadian itu didominasikan oleh unsur tanah, maka tabiatnya ialah basah dan sejuk. Demikian juga semestinya setiap makanan atau ubat mempunyai dua sifat. Dalam prespektif falsafah teologi Islam, sifat tunggal bukanlah sifat makhluk tetapi adalah sifat Tuhan dan menjadi satu kelaziman pula pada makhluk mempunyai sifat berpasangan. Kosmologi Islam ala Aristolian ini diterapkan dalam idea farmakologi dengan setiap ubat dipercayai mempunyai dua sifat yang boleh berfungsi serentak.

Berbeza daripada dua buah kitab di atas, korpus *Kitab Tibb* tidak mengambil berat darjah sesuatu bahan dan juga kombinasi sifat-sifat, sebaliknya dipermudahkan dengan membahagikannya hanya kepada sifat sejuk atau panas sahaja. Walaupun dalam perubatan Islam di dunia Arab, selepas tahun 1000 Masihi pemberian darjah kepada materia medika kurang ditekankan, malah selepas pertengahan abad

kesebelas ia mula hilang kepentingannya,³⁴ tetapi pemberian darjat ini terus hidup dan berkembang dalam perubatan Melayu sehingga ke abad keduapuluh. Ini boleh dilihat dalam huraian tentang meteria medika yang diberikan dalam kitab perubatan Melayu seperti *Kitab Taiyib al-Ihsān*. Tulisan Gimlette juga menunjukkan bahawa sehingga tahun 1915 sifat-sifat sejuk, panas dan kering serta klasifikasi mengikut darjat-darjat tertentu masih dipakai dalam masyarakat Melayu ketika itu. Dalam tabiat memakan sireh, dipercayai bahawa sireh itu sendiri panas pada darjah yang pertama, sejuk dan kering pada darjat yang kedua, bergantung kepada rasa dan baunya. Kapur yang disapukan pada sirih itu sifatnya lebih panas, manakala pinang pula sifatnya sederhana sejuk dan gambir pula sifatnya sejuk dan kering.³⁵

Berdasarkan jenis rasa dan cara pembahagian makanan dan ubat kepada jenis sejuk dan panas, boleh dikatakan bahawa cara klasifikasi materia medika dan makanan yang digunakan oleh orang Melayu adalah selari dengan klasifikasi yang dibuat oleh tradisi perubatan Yunani, India dan Arab. Hunayn Ibn Ishaq, penterjemah terkenal Arab yang menterjemahkan karya-karya Yunani ke bahasa Arab mengatakan terdapat lima cara untuk untuk mengetahui kekuatan dan sifat bahan yang hendak digunakan sebagai ubat iaitu;

1. Bergantung kepada sejauh mana cepatnya atau sukarnya bahan itu berubah.
2. Bergantung kepada sejauh mana cepatnya atau sukarnya bahan itu menjadi pepejal.
3. Rasanya
4. Baunya
5. Warna³⁶

³⁴ Levey, Martin., *Early Arabic Pharmacology*, hal. 125

³⁵ Gimlette, J. D., *Malay Poisons and Charm Cures*, hal. 35.

³⁶ Hunayn Ibn Ishaq, *Question on Medicine for Scholar*, hal. 45.

Bahan yang senang berubah sifatnya seperti mudah terbakar bila terkena api, berpotensi bersifat panas. Walaupun begitu ia tidak semestinya memanaskan badan. Ia akan dapat memberi kesan panas kepada badan jika bahan itu ringan, padu, pejal dan sempurna. Bahan yang mempunyai potensi sebagai ubat yang dapat menyejukkan badan ialah bahan yang senang berubah menjadi pepejal bila disejukkan. Bahan seperti ini mempunyai sifat yang lebih sejuk dari bahan yang lambat menjadi pepejal bila disejukkan.³⁷

Faktor rasa merupakan cara yang paling mudah untuk mengetahui sifat sesuatu bahan atau ubat. Bahan yang mempunyai rasa yang pahit, pedas dan masin mempunyai sifat panas. Bahan yang rasa masam dan kelat pula mempunyai sifat sejuk. Bahan yang mempunyai sifat sederhana mempunyai rasa yang manis dan lemak.³⁸ Bau sesuatu bahan biasanya seiring dengan rasanya. Rasa manis, masam, pedas, kelat dan lemak selalunya mempunyai bau yang dapat diasosiasikan dengan rasa berkenaan. Warna juga dapat memberikan sedikit panduan sama ada bahan itu bersifat panas atau sejuk. Bahan yang mempunyai warna merah dan kekuningan selalunya dapat diasosiasikan dengan rasa pedas. Warna kehijau-hijauan pula diasosiasikan dengan sifat sejuk. Ciri bau dan warna sesuatu bahan tidak menjamin ketepatan pengukuran darjah kepanasan atau sejuknya sesuatu bahan itu berbanding dengan rasa.³⁹ Kajian di Malaysia seperti yang ditunjukkan dalam kajian Laderman di Mercang Terengganu, menunjukkan bahawa responden-responden Melayu yang disoal-siasat lebih bersetuju bahawa klasifikasi makanan sejuk atau panas boleh dibuat berdasarkan rasa tetapi tidak melalui warnanya.⁴⁰

³⁷ Ibid., hal. 45 - 47.

³⁸ Ibid., hal. 48.

³⁹ Ibid., hal. 52.

⁴⁰ Laderman, C., *Wives and Midwives*, hal. 43.

Dalam sistem perubatan Melayu popular, pengetahuan ethnobotani orang Melayu yang mempunyai sistem taksonomi berdasarkan beberapa kaedah dan peringkat⁴¹ membantu pengamal-pengamal perubatan melayu popular mengenali tumbuh-tumbuhan dan khasiat yang memungkinkan ia dijadikan ubat. Pada satu peringkat klasifikasi tumbuhan, masyarakat Melayu akan menjeniskan tumbuhan berdasarkan bentuk morfologinya. Misalnya pokok ati-ati (*Coleus atropureus*) diberi nama ati-ati kerana bentuk daunnya seperti hati manusia.⁴² Begitu juga tunjuk langit (*Helminthostachys zeylanica*) iaitu sejenis pakis mendapat nama kerana bentuknya yang tegak menunjuk ke langit.

Taksonomi peringkat lain pula ialah pengelasan berdasarkan kegunaannya. Misalnya pokok gelenggang (*Cassia alata*) dikenali juga dengan meluas sebagai pokok Daun Kurap.⁴³ Dengan taksonomi ini dengan mudah khasiat dan juga kegunaan perubatan pokok berkenaan diketahui iaitu ubat kurap. Pada peringkat yang lebih kompleks, sistem taksonomi adalah berdasarkan penjenisan panas atau sejuk tumbuhan berkenaan. Misalnya pokok yang menjalar adalah jenis sejuk dan pokok rempah dalam kategori panas. Ini boleh membantu pengamal-pengamal perubatan tradisional mengetahui khasiat tumbuhan berkenaan sama ada tumbuhan itu bersifat sejuk ataupun panas. Contoh lain ialah, pokok daripada genus *Eugenia* atau dalam taksonomi tempatan dikenali sebagai Jambu, atau Kelat ataupun Krian, adalah dalam kategori sejuk. Ini kerana daun, kulit dan buahnya mempunyai rasa yang kelat dan

⁴¹ Untuk perbincangan secara ringkas tentang ethnobotani dan ethnotaksonomi Melayu lihat antaranya E.J.H. Corner dalam *Wayside Trees of Malaya*, (Kuala Lumpur: The Malaysian Nature Society, 1988) H.N. Ridley, dalam *Jurnal Of Straits Branch Society*, bil. 30 Julai 1897, dan I.H. Burkill, *A Dictionary of the Economic Products of Malay Peninsular*. Lihat juga Hairudin Harun, "Science and Colonialism: A Study of the Wellcome's Malay Manuscripts" dalam *Sarjana*, Jil. 4 Jun 1989.

⁴² Ridley, H. N., SB 30: Julai 1897, hal. 33

⁴³ Ibid., hal. 33

mengikut doktrin Galenisme adalah bersifat sejuk. Bahagian-bahagian daripada tumbuhan ini amat sesuai dijadikan ubat cirit birit dan antiseptik.

Nama tumbuhan mempengaruhi pemilihannya sebagai ubat dalam rawatan penyakit tertentu. Pokok setawar (*Cyrtandronoea grandis*) misalnya adalah materia medika penting sebagai antidot ataupun penawar kepada beberapa jenis racun. Ini disebabkan namanya iaitu setawar yang sinonim dengan perkataan penawar, iaitu kesan yang diharapkan daripadanya.

Tumbuh-tumbuhan yang mempunyai nama yang dikaitkan dengan Nabi Muhammad dan kaum keluarga baginda seperti menantunya Saidina Ali dan anaknya Fatimah, selalu digunakan sebagai bahan penting untuk ubat *aphrodisiac* dan ubat untuk wanita selepas bersalin. Tumbuhan-tumbuhan seperti tongkat Ali (*Eurycoma longifolia*) dan akar Fatimah (*Labisia pothoina*) misalnya sering digunakan sebagai ubat merangsang tenaga seks untuk lelaki dan wanita. Nama-nama ini mungkin baru masuk dalam sistem taksonomi tumbuhan Melayu terutama selepas kedatangan Islam tetapi nama-nama inilah digunakan dengan lebih meluas dan berterusan hingga sekarang. Nama tumbuhan ini dikaitkan dengan Saidina Ali dan isterinya Fatimah kerana dalam tradisi Islam mereka dianggap pasangan ideal dan contoh kepada rumahtangga yang bahagia. Kepercayaan popular seperti ini tidak banyak menjelaskan sistem klasifikasi khasiat ubat Galenisme malah ini memperkayakan lagi farmakologi galenik yang digunakan oleh orang Melayu.

Pengetahuan masyarakat Melayu tentang kualiti bahan-bahan ini sama ada bersifat sejuk atau panas menjadi amat penting dalam sistem perubatan dan juga sistem pemakanan mereka. Seperti juga masyarakat Islam di tempat lain masyarakat Melayu berkongsi satu sistem kepercayaan dalam mengidentifikasi bahan-bahan

makanan mereka dan ubat.⁴⁴ Cara klasifikasi seperti yang dilakukan oleh orang Melayu dapat disamakan dengan cara klasifikasi ahli-ahli farmakologi Islam awal dan ini meneguhkan lagi bukti bahawa terdapat satu hubungan yang erat antara perubatan Melayu dengan sistem perubatan Arab-Islam baik dari segi idea dan juga bahan-bahan yang digunakan.

Galenisme ataupun doktrin humoral yang menjadi asas farmakologi Melayu banyak bergantung kepada logik silogisme Aristotle untuk sampai kepada jawapan tentang khasiat sesuatu materia medika dan juga penggunaan prinsip *contraria contrariis*. Galen menekankan kepentingan logik ini kerana ia dapat menyelesaikan masalah yang mempunyai sifat-sifat yang serupa. Bagi beliau tanpa ilmu logik adalah mustahil untuk membezakan antara yang benar dengan yang palsu.⁴⁵ Dengan menggunakan premis-premis yang telah tersedia tentang sifat ubat membolehkan kesimpulan tentang khasiat sesuatu bahan ditentukan. Begitu juga logik induktif dapat dibuat dalam proses memberikan ubat pada pesakit. Jika pesakit itu mengidap penyakit yang bersifat panas, ia boleh disembuhkan dengan memberikan materia medika yang bersifat sejuk.

Logik adalah satu proses taakulan yang memerlukan kemahiran dan kemampuan akal untuk mencari kebenaran. Di kalangan ahli-ahli teologi pengikut As-Syaariah mereka menerima bahawa salah satu sumber ilmu ialah melalui proses taakulan akal. Akal sebagai sumber ilmu diiktiraf dalam masyarakat Melayu dan ini dapat dilihat dalam sebuah manuskrip Melayu yang terawal iaitu terjemahan *'Aqāid al-Nasafi'*. Dalam terjemahan kitab ini dinyatakan bahawa sumber ilmu yang benar itu ada

⁴⁴ Kesejarahan amalan pemakanan dan klasifikasi sejuk panas telah disuarakan oleh Seyyed Hossein Nasr dalam tahun 1968 lewat bukunya *Science and Civilization in Islam*, hal. 228

⁴⁵ Temkin, O., *Galenism: Rise and Decline of a Medical Philosophy*, hal. 22

tiga iaitu, pertama; melalui indera yang lima, kedua; melalui berita yang benar dari Rasulnya dan orang yang boleh dipercayai, dan ketiga; melalui akal.⁴⁶ Kepentingan logik atau qiyas telah disedari oleh Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī. Dalam *Kitab Bustān al-salātīnnya* beliau menulis;

Adapun ubat segala penyakit itu sekeliannya berlawan-lawanan. Umpamanya jika penyakit itu sejuk maka ubatnya itu hangat, jika penyakit itu hangat maka ubatnya itu sejuk. Demikianlah qiyas tiada faqir melanjutkan perkataannya⁴⁷

Dalam menentukan khasiat ubat selain daripada penggunaan proses taakulan, beberapa doktrin daripada tradisi Yunani dan India juga mempengaruhi penentuan khasiat sesuatu materia medika. Dalam farmakologi Melayu selalu di sebut bahawa khasiat ayam betina adalah lebih sejuk berbanding dengan ayam jantan. Begitu juga binatang yang hidup liar di hutan lebih panas berbanding dengan binatang yang jinak.⁴⁸ Prinsip yang sama juga digunakan dalam menentukan temperamen manusia iaitu orang lelaki mempunyai temperamen yang lebih panas berbanding dengan wanita. Perbincangan tentang hal ini menjadi hangat dan popular di kalangan ahli perubatan Arab⁴⁹ dan prinsip ini dikatakan berasal daripada Aristotle. Prinsip gerakan Aristotle mengatakan bahawa sesuatu badan yang bergerak dengan lebih cepat berkecenderungan mempunyai sifat yang lebih panas berbanding dengan badan yang bergerak lebih perlana.⁵⁰

⁴⁶ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *The Oldest Known malay Manuscript: A 16th Century Malay Translation of the Aqaīd of al-Nasafī* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1988) hal. 34 dan 54.

⁴⁷ *Bustān al-Salātīn* Ms. no. 21514, hal. 136

⁴⁸ Ibid., hal. 127

⁴⁹ Isu inilah yang telah menimbulkan perdebatan antara Ibn Ridwan dan Ibn Butlan, dua orang ahli perubatan Arab yang terkenal. Lihat Schat, J., dan Mayerhoff, M., *The Medico-Philosophical Controversy Between ibn Butlan of Baghdad and Ibn Ridwan of Cairo* (Cairo: The Egyptian University, 1937) hal. 16.

⁵⁰ Aristotels membincangkan kaitan antara kepanasan dengan gerakan dalam bukunya *De Partibus Animalium*, Lihat Ibid., hal 16 dan 71

Aspek falsafah perubatan Melayu sebagaimana ditunjukkan dalam teori farmakologi Melayu di atas, banyak dipengaruhi oleh falsafah perubatan Yunani yang diubahsuai menjadi sebahagian daripada perubatan Arab. Falsafah Yunani ini diterima oleh perubatan Arab setelah ia disaring oleh orang-orang Arab-Islam sendiri supaya tiada percanggahan dengan aspek teologikal Islam. Orang Melayu menerima dan mengubahsuainya pula supaya harmonis dengan perubatan daripada tradisi Islam iaitu Perubatan Nabi dan juga nilai-nilai tempatan khususnya bahan-bahan untuk dijadikan ubat.

3.3 Penyelengaraan Ubat

Penyediaan ubat dalam farmakologi Melayu dilakukan dalam dua cara iaitu sebagai ubat berbentuk tunggal (simple) dan sebagai ubat campuran (compound) iaitu hasil campuran lebih dari satu bahan. Naskah-naskah perubatan seperti *Kitab Bustān al- Salātīn* dan *Kitab Taiyib al-Ihsān* yang jelas memperlihatkan pengaruh kuat Tibb Nabawī, lebih banyak menekankan ubat berbentuk tunggal berbanding dengan ubat berbentuk campuran. Dalam *Kitab Taiyib al-Ihsān* pengarangnya menekankan bahawa adalah lebih baik mengubati sesuatu penyakit itu dengan ubat yang bersifat tunggal daripada mengubatinya dengan ubat campuran. Jika terpaksa menggunakan ubat campuran, ubat campuran yang terdiri dari dua jenis campuran adalah lebih baik daripada ubat campuran yang terdiri daripada tiga jenis bahan.⁵¹

Ubat berbentuk tunggal lebih diutamakan kerana ia mudah diperolehi dan mudah diberikan kepada pesakit. Disamping itu dikuatir ubat yang dihasilkan dari berbagai-bagai campuran terkandung di dalamnya bahan-bahan yang haram di sisi

⁵¹ *Taiyib al-Ihsān*, hal. 12

Islam. Kontroversi tentang keutamaan antara ubat berbentuk tunggal dan campuran ini merupakan satu isu farmakologi dalam tardisi perubatan Islam sejak zaman awal perkembangannya lagi.⁵² Ahli perubatan Arab seperti Hunayn ibn Ishaq mempertahankan kepentingan ubat berbentuk campuran atas beberapa sebab. Antaranya ialah penyediaan ubat secara campuran boleh dilakukan untuk menghasilkan ubat yang sesuai dengan kepelbagaiannya keadaan pesakit dan jika dalam kesukaran untuk mendapatkan ubat bentuk tunggal yang sesuai. Ubat berbentuk campuran juga diperlukan untuk mendapatkan sifat ubat yang mempunyai khasiat yang sesuai dengan jenis penyakit yang hendak dirawat. Misalnya ubat salap untuk penyakit kulit yang sukar didapati daripada ubat berbentuk tunggal boleh diperolehi daripada ubat berbentuk campuran. Ubat campuran juga boleh menghilangkan rasa dan bau yang tidak diingini pesakit. Selain daripada itu ubat campuran memberi kesan yang dikehendaki dengan menstabilkan ubat itu dalam badan atau anggota yang dikehendaki.⁵³

Materia medika yang diberikan oleh *Bustān al-Salātīn* kebanyakannya adalah ubat tunggal ataupun ubat campuran yang tidak melebihi dua bahan. Ubat ini sesuai dengan khasiatnya untuk merawat penyakit tertentu yang mempunyai sifat yang berlawanan dengan ubat berkennaan. Hanya terdapat sedikit ubat berbentuk campuran yang diberikan seperti candu yang dicampurkan dengan air madu sebagai ubat penghilang sakit.⁵⁴ *Kitab Taiyib al-Ihsān* walaupun menekankan bahawa ubat berbentuk tunggal lebih utama tetapi tidak membataskan meteria medikanya kepada ubat berbentuk tunggal sahaja malah menjangkau ubat-ubat yang berbentuk lebih

⁵² konsep ubat yang tunggal dan ubat yang bersusun seperti yang digunakan dalam *Kitab Taiyib al-Ihsān* adalah terjemahan literal dari konsep *adwiya mufradah* dan *adwiyah Murakkabah* yang biasa digunakan dalam penulisan farmakologi Arab-Islam. Lihat, *The Encyclopaedia of Islam*, s.v. "adwiya" dan "akrabadhin"

⁵³ Hunayn Ibn Ishaq, *Question on Medicine for Scholars*, hal. 57

⁵⁴ *Bustān al-Salātīn*, Ms. no 21514,hal. 121

daripada dua campuran. Maajun Baladar misalnya terdiri daripada 15 bahan campuran.⁵⁵

Kitab-kitab Tibb seperti Ms. 33 walaupun lebih menekankan ubat berbentuk campuran tidak mengenepikan kemampuan ubat berbentuk tunggal. Ubat berbentuk tunggal yang diberikan dalam Ms. 33 ialah seperti asam gelugor (buah dari pokok *Garcinia atroviridis*) untuk menghilangkan pahit mulut ketika demam kepialu; dan buah lakum (*Vitis trifolia*) yang dimakan untuk merawat penyakit malaria.⁵⁶ Tetapi ubat-ubat yang berbentuk campuran lebih banyak diberikan dan campurannya boleh melebihi 20 bahan. Penyediaan maajun untuk penyakit aksinat (sejenis demam diikuti dengan lain-lain simptom) adalah terdiri dari 26 campuran tumbuhan, minyak serta madu.⁵⁷ Dalam *The Medical book of Malayan Medicine* ciri ubat campuran ini begitu ketara. Contohnya ubat untuk merawat penyakit cacar terdiri daripada 29 campuran.⁵⁸

Dalam kaedah penyelengaraan ubat pengaruh doktrin Tibb Nabawi amat kuat. Penekanan terhadap ubat berbentuk tunggal dan keutamaan materia medika yang bersifat bukan semata-mata ubat tetapi juga sebagai makanan adalah antara ajaran-ajaran daripada doktrin Tibb Nabawi. Sungguhpun begitu ciri perubatan humoral seperti penyelengaraan ubat secara galenik iaitu penyediaan ubat dari berbagai-bagai jenis campuran masih digunakan. Dalam *Kitab Taiyib al-Ihsān* ditekankan oleh pengarangnya cara penyelengaraan ubat yang betul dan berkesan. Cara penyelengaraan yang diberikan ialah;

⁵⁵ Syeikh Ahmad Fatani menyebut dalam *Taiyib al-Ihsān* sejenis maajun yang diberi nama maajun Baladar dan cara membuat maajun ini diberikan dalam kitabnya yang lain iaitu *Kitab Luqatul al-Ajlan* yang mempunyai campuran 15 bahan. Lihat, *Taiyib al-Ihsān* hal. 44 dan *Kitab Luqatul al-Ajlan*, hal.16

⁵⁶ A. Samad Ahmad, *Warisan Perubatan Melayu*, hal. 37 dan 43

⁵⁷ Ibid., hal. 28

⁵⁸ *The Medical Book of Malayan Medicine*, hal. 389

1. Untuk membersihkan humor dan menyeimbangkan humor dalam badan, ubat yang hendak diberi secara oral atau dipakaikan kepada pesakit mestilah berkeadaan suam-suam panas.
2. Ubat yang bertujuan menghurai dan memecahkan humor dalam tubuh hendaklah berkeadaan panas.
3. Jika ubat itu bertujuan memberi kesan panas maka ubat itu mestilah dalam keadaan suam dan ia hendaklah dikenakan pada bahagian luar badan dan pada mana-mana anggota yang sakit atau pada bahagian dalam badan.
4. Untuk mengelakkan seseorang itu dari muntah ubat perlu diambil bersama air yang sejuk. Ubat yang hendak diambil secara oral juga mestilah mempunyai rasa dan bau yang enak.⁵⁹

Sheikh Ahmad Fatani menolak pendapat segelintir ahli perubatan dan juga pandangan popular yang mengatakan orang yang telah mengambil ubat hendaklah berpuasa sekurang-kurangnya tiga jam untuk membolehkan ubat yang baru diambilnya bertindakbalas dan memberi kesan pada badan. Sebaliknya kata Syeikh Ahmad melewatkan makan hanya akan memudaratkan diri. Sungguhpun begitu Sheikh Ahmad Fatani bersetuju bahawa dengan mengambil pencahar yang sederhana boleh membersihkan perut dan amat baik untuk menyampaikan kesan ubat yang dikehendaki kepada badan.⁶⁰

⁵⁹ *Kitab Taiyib al-Ihsân*, hal. 12

⁶⁰ Ibid. hal. 10

Dalam Ms.33, untuk memastikan keberkesanan ubat yang diambil oleh seseorang hanya kaedah pantang dianjurkan.Untuk orang yang mengambil ubat bersifat panas yang bertujuan menyembuhkan penyakit yang dikenalpasti sebagai penyakit bersifat sejuk, mereka dilarang memakan makanan yang mempunyai khasiat sejuk juga.

3.4. Rasional Pemilihan dan Rumusan Ubat

Untuk menunjukkan rasional pemilihan dan rumusan ubat terhadap penyakit, lima jenis penyakit diambil sebagai contoh. Lima jenis penyakit yang dipilih ialah sakit kepala, demam, lelah, reumatisme dan keracunan. Penyakit-penyakit ini dipilih kerana ia adalah penyakit umum yang disebutkan dalam semua naskah yang dikaji.

3.4.1 Sakit Kepala

Dalam Ms. 33, sakit kepala dibahagikan kepada sepuluh jenis. Nosologi penyakit dalam naskah ini dan juga dalam naskah-naskah lain biasanya dibuat berdasarkan bahagian badan yang terlibat, simptom-simptom awal penyakit berkenaan dan juga punca penyakit. Penjenisan sakit kepala dalam Ms 33 dibahagikan mengikut simptom berikut:

1. Sakit kepala yang menggigit-gigit
2. Sakit kepala yang berdengung
3. Sakit kepala biasa
4. Sakit kepala yang pialu
5. Sakit kepala atau pitam

6. Pening
7. Sakit kepala sebelah
8. Sakit kepala yang berpeluh
9. Sakit kepala yang menghentak-hentak
10. Sakit kepala yang ngilu

Dalam *Kitab Taiyib al-Ihsān Fi Tibb al-Insān*, penjenisan sakit kepala ini dibahagikan kepada beberapa jenis mengikut sebab jadinya penyakit berkenaan. Jenis-jenis penyakit kepala yang diberikan dalam *Kitab Taiyib al-Ihsān* adalah;

1. Sakit kepala yang panas
2. Sakit kepala akibat panas matahari
3. Sakit kepala akibat sejuk
4. Sakit sebelah kepala
5. Sakit kepala kerana kurang tidur
6. Sakit kepala disebabkan banyak safra
7. Sakit kepala biasa dan pening

Sheikh Nūr al-dīn al-Rānīrī dalam *Kitab Bustān al-Salātīn* pula hanya memberikan penjenisan penyakit kepala secara umum sahaja iaitu sakit kepala sama ada disebabkan oleh sejuk ataupun panas. Sakit kepala yang sejuk akan dirawat dengan menggunakan materia medika yang mempunyai khasiat panas. *Bustan al-Salatin* memberikan kegunaan kasturi (*Mochus moschiferus*) yang mempunyai sifat yang panas dan kering pada darjah yang ketiga kerana amat mustajab untuk menyembuhkan sakit kepala yang disebabkan oleh sejuk dan balgham. Cara penggunaannya ialah dengan mencium atau memasukkan kasturi berkenaan dalam

hidung.⁶¹ Sakit kepala yang panas pula boleh dirawat dengan menggunakan materia medika yang mempunyai khasiat sejuk. Kapur barus (*Cinnamomum camphora*) yang berkhasiat sejuk iaitu sejuk dan kering pada darjah yang ketiga dicadangkan oleh Sheikh Nur al-din sebagai ubat untuk menghilangkan sakit kepala yang panas.⁶² Tetapi kaedah menggunakan materia medika ini tidak disebutkan oleh pengarangnya. Prinsip alopati iaitu merawat sesuatu penyakit dengan ubat yang mempunyai ciri-ciri yang berlawanan digunakan secara konsisten oleh pengarang *Kitab Bustan al-salatin*.

Rumusan ubat dalam Kitab Tibb seperti dalam Ms. 33 dan juga *Kitab Taiyib al-Ihsān* lebih bersifat campuran berbagai-bagai jenis bahan. Prinsip umum dalam teori farmakologi Humoral masih diikuti iaitu penyakit dikenalpasti sama ada ada bersifat sejuk ataupun panas dan ubat yang diberikan mestilah bersifat berlawanan daripada penyakit berkenaan. Beberapa rumusan ubat diberikan untuk satu-satu jenis penyakit dan bahan-bahan yang digunakan sebagai ubat ada yang sama antara satu teks dengan teks yang lain dan ada yang berbeza. Beberapa rumus ubat diberikan untuk satu-satu jenis penyakit untuk memberi pilihan kepada orang yang hendak merawat pesakit mendapatkan ubat yang paling mudah didapati kerana tidak semua bahan senang diperolehi. Sesetengah ubat pula hanya sesuai untuk pesakit tertentu dan tidak kepada pesakit yang lain kerana perbezaan temperemen badan pesakit. Oleh itu beberapa rumus ubat yang berlainan diperlukan untuk merawat pesakit yang mempunyai temperamen yang berbeza.

Dalam Ms. 33 kebanyakannya penyakit kepala adalah dalam kategori penyakit yang panas. Sakit kepala yang membawa kepada pitam adalah jenis panas dan akan

⁶¹ *Bustān al-Salātin*, Ms. no. 21514, hal. 133

⁶² *Ibid.*, hal. 134

rawatannya ialah dengan ubat yang bersifat sejuk. Rumusan ubat untuk penyakit pitam ini adalah seperti berikut:

Ambil daun pegaga yang sudah direbus, sakar, dan hati kundur, rendam semuanya, kemudian beri minum dan jaramkan di kepala orang sakit itu.⁶³

Tumbuhan seperti pegaga (*Hydrocotyle asiatica*) dan kundur (*Benincasa cerifera* atau *Melothria affinis*) adalah jenis tumbuhan hijau yang menjalar yang dikategorikan sebagai materia medika sejuk. Sakar (*sacharum*) menjadi salah satu bahan campuran yang penting dalam kebanyakan materia medika kerana khasiat langsung bahan berkenaan iaitu basah dan kering pada darjah yang pertama dan juga kerana ia dapat menjadi bahan asas dan memberi rasa yang enak kepada ubat berkenaan dan kadang-kadang sebagai bahan gantian kepada madu.

Dalam Ms. 33, seringkali juga ditemui rumusan ubat yang tidak dapat dipastikan rasional pemilihannya. Contohnya ubat untuk sakit kepala yang pitam seperti di bawah,

Ambil nyiur hijau atau merah dua biji, kukur, ambil santannya dengan segantang air. Kemudian ambil pisang abu sepuluh biji, rendamkan di dalam air santan itu semalam. Sudah itu rebus, dan ramas semuanya. Setelah itu diramas, pipis lumat-lumat, kemudian tapis ambil airnya, beri minum tiga pagi. Hampas itu pupuk di kepalanya, balut dengan perca putih. Sudah itu mandi berlimau pada sejumaat dua kali.⁶⁴

Sakit kepala yang biasa dihidapi oleh seseorang juga selalunya dianggap sebagai akibat dari panas dalam badan yang naik ke kepala. Contoh beberapa rumusan ubat yang disediakan adalah seperti berikut;

⁶³ A. Samad Ahmad, *Warisan Perubatan Melayu*, hal. 37

⁶⁴ Ibid., hal 49

Ambil daun limau kapas segenggam erat, daun johar, daun capa dan daun lenggundi. Semua itu sama banyak. Masak dalam belanga baru hingga mendidih. Kemudian angkat, embunkan. Pagi-pagi pupukkan dikepala orang sakit itu...

Ambil daun ribu-ribu padi, mata kunyit, hujung melukut dan air bermalam, pipis lumat-lumat, embunkan. Pagi-pagi pupukkan di kepala orang sakit itu...

Ambil daun sena, ramas di dalam pasu, bubuh nasi dingin barang sebujur jari tangan, kemudian embunkan. Pada pagi-pagi jaramkan di kepala orang sakit itu⁶⁵.

Ubat sakit kepala yang lain seperti sakit sebelah kepala juga disediakan daripada campuran beberapa bahan seperti berikut:

Ambil buah keras tujuh biji, belah dua, kemudian ambil isinya, pipis dengan mata kunyit, hujung melukut dan air bermalam. Sudah itu pupukan di dahi orang sakit itu.⁶⁶

Kebanyakan ubat sakit kepala yang diberikan dalam Ms. 33 adalah untuk kegunaan bahagian luar dengan cara menjaram, barut dan ditempelkan di kepala pesakit. Hanya sedikit sahaja preskripsi yang disediakan untuk diambil secara oral. Tetapi terdapat juga beberapa jenis sakit kepala yang disebutkan dalam Ms. 33 bersifat unik dan sukar untuk dikategorikan sama ada dalam kategori panas ataupun sejuk. Contohnya ialah sakit kepala yang menggigit-gigit, sakit kepala yang berdengung dan sakit kepala yang pialu. Begitu juga materia medika yang digunakan terdiri dari berbagai-bagai jenis campuran yang tidak mudah dikelaskan di bawah sistem klasifikasi sejuk panas.

Satu faktor yang mempengaruhi keadaan ini ialah kitab-kitab Tibb biasanya adalah milik peribadi pengamal-pengamal perubatan Melayu seperti bomoh atau dukun yang mempunyai tradisi perubatan yang lebih cenderung kepada tradisi lisan. Jika ada

⁶⁵ Ibid., hal. 81

⁶⁶ Ibid., hal. 104

dalam bentuk tulisanpun ianya tidak boleh difahami secara mudah sebaliknya mesti dengan bantuan pengamal-pengamal perubatan yang memiliki teks berkenaan. Teks lebih merupakan panduan umum supaya mudah diingati tetapi tidak semestinya menyeluruh dan lengkap. Kadang-kadang teks hanya berperanan sebagai simbol, dianggap suci dan pemberi kekuatan kepada pengamal perubatan berkenaan untuk merawat pesakit.⁶⁷

Penjenisan penyakit dan rumusan ubat dalam kitab *Taiyib al-Ihsān* amat jelas dipengaruhi oleh teori farmakologi Humoral. Penyakit-penyakit yang disebutkan dalam teks ini dengan mudah dapat dikategorikan sama ada bersifat sejuk atau panas, begitu juga ubat yang diberikan mempunyai khasiat yang jelas untuk dipadankan dengan prinsip alopati. Kaedah penyelenggaraan dan rumusan-rumusan ubat dalam *Kitab Taiyib al-Ihsān* mudah difahami berbanding daripada korpus kitab *Tibb*. Pengarang kitab ini sendiri menyatakan dalam bahagian pendahuluan bahawa tujuan kitab ini ditulis ialah untuk memberikan satu naskah perubatan yang lengkap yang mengandungi teori penyakit dan materia medika yang boleh digunakan oleh semua orang untuk merawat penyakit-penyakit yang dinyatakan.⁶⁸

Penulis kitab ini memberikan nama penyakit dan puncanya sekali, materia medika yang akan digunakan, kuantiti dan cara penggunaannya. Sakit kepala yang panas, menunjukkan ia mempunyai simptom panas. Materia medika yang digunakan untuk merawatnya ialah bunga mawar yang masih segar. Caranya ialah dengan

⁶⁷ Dalam halaman 8, Ms. 33 ini diberikan pesanan kepada pembaca kitab ini supaya kitab ini jangan dipermudahkan dan diperbuat seperti kitab biasa kerana ia terlalu mahal dan juga milik raja. Teks sebagai satu bahan yang suci lebih ketara dalam perubatan di Bali di mana naskah-naskah perubatan tersalin di atas daun-daun lontar sejak zaman silam. Penggunaannya lebih sebagai simbol. Lihat, McCauleys,A.P., "Healing in Indigenous Balinese Medicine" dalam *Soc. Sci. Med.* Vol 27, No 8, 1988.

⁶⁸ Tujuan penulisan Kitab ini dinyatakan dengan jelas oleh penulisnya di bahagian pendahuluan *Kitab Taiyib al-Ihsān* ini dan juga dikutip hadapan kitab ini.

mencium bunga berkenaan. Satu pilihan lain yang diberikan ialah dengan mengadun henna (*Lawsonia inermis*) dengan cuka yang amat masam kemudian dicium serta dibarut di kepala.⁶⁹

Kesemua bahan yang diberikan di atas mempunyai khasiat sejuk. Bunga mawar mempunyai khasiat sejuk pada darjah yang pertama dan kering pada darjah kedua. Begitu juga cuka yang masam mempunyai khasiat yang sangat sejuk dan henna pula sejuk pada darjah yang pertama dan kering pada darjah yang kedua. Dengan khasiat sejuk bahan-bahan ini akan menyembuhkan sakit kepala yang disebabkan oleh panas.

Sakit kepala akibat kurang tidur juga tergolong dari jenis sakit yang panas. Beberapa pilihan ubat diberikan dalam teks ini⁷⁰ iaitu;

- 1) Minyak sapi yang dimasak dengan air dalam jumlah yang sama banyak hingga kering, kemudian dicampurkan dengan madu dan gula yang telah dimasak dengan air hingga pekat. Kesemua bahan-bahan ini kemudiannya dimasak sekali lagi di atas api yang kecil hingga menjadi pekat seperti halwa. Ubat ini dimakan ketika hendak tidur .
- 2) Merah telur dimasukkan dalam minyak sapi yang baik dalam jumlah yang sama banyak dan dikacau. Kemudian gula dimasukkan dan dimasak di atas api yang perlahan. Ubat ini dimakan ketika hendak tidur.

⁶⁹ *Taiyib al-Ihsān*, hal. 13

⁷⁰ *Ibid*, hal. 14

3) Isi labu air yang diparut diberutkan di kepala orang yang sakit sehingga menutup kepalanya seperti orang memakai kopiah. Ini diulang-ulang hingga penyakitnya sembuh.

Sakit kepala yang sejuk pula dirawat dengan menggunakan bahan-bahan berikut. Biji harmal (*Peganum harmala*), ataupun lada hitam yang diberutkan di kepala akan menyembuhkan sakit kepala yang sejuk. Harmal ialah biji sejenis tumbuhan yang mempunyai khasiat panas, begitu juga lada hitam dan kedua-duanya sesuai untuk merawat penyakit kepala yang sejuk.

Sakit sebelah kepala dalam *kitab Taiyib al-Ihsān* dibahagikan pula kepada dua jenis iaitu yang disebabkan oleh panas dan sejuk. Sakit sebelah kepala yang disebabkan oleh sejuk diubati dengan menggunakan komkoma yang diminum, dicium, dilumurkan dan diberut di kepala dengan biji lenga serta kulitnya. Komkoma (*Crocus sativus*) mempunyai khasiat panas dan kering, begitu juga biji lenga (*Sesamum indicum*) mempunyai khasiat panas dan basah. Bahan-bahan ini amat sesuai untuk mengubati penyakit kepala yang sejuk.

Manakala sakit sebelah kepala yang disebabkan oleh panas diubati dengan meminum air asam celagi (*Tamarindus indica*), memakan daging lembu dan meminum air daun bilam (*Portulaca oleracea*) dan diberut daun berkenaan di kepala. Kecuali daging lembu yang tergolong dalam makanan yang mempunyai khasiat yang sederhana, bahan-bahan lain yang digunakan dalam rumusan ubat ini adalah bahan yang termasuk kategori panas dan kerana itu ia sesuai untuk merawat penyakit yang ada kaitan dengan sejuk.

3.4.2 Demam

Dalam Ms. 33, demam dibahagikan kepada dua jenis utama iaitu demam panas, dan demam kura.⁷¹ Contoh rumusan ubat untuk demam panas adalah seperti berikut;

1. Ambil gelang sambar dara, setawar, pucuk lancung, pucuk birah, adas manis, bunga pulasari, putik bebaru yang dibakar, bawang putih, bawang merah, mesui dan pinang muda yang belum bertemu hati. Semua itu dipipis lumat-lumat, dan diberi minum kepada pesakit.
2. Ambil daun sena, daun sentul, temu kunci, asam kantan, beras, jintam hitam, cekur, jerangau dan mata kunyit. Semua bahan ini digiling dan dibedakkan diserata tubuh pesakit.
3. Ambil temu gajah, akar cengkoh dan akar kambas. Masing-masing berat setahil. Kemudian rendam bahan-bahan ini dalam air kemudian air itu dijelumkan pada dahi, pada halkum dan pada hati pesakit.⁷²

Demam kura atau demam sejuk juga termasuk penyakit yang sejuk dan ubat yang disediakan terdiri dari ubat campuran yang mengandungi banyak bahan-bahan campuran. Simptom demam kura ini diberikan dengan jelas dalam Ms. 33 iaitu sebagai "...demam terketar-ketar sekelian anggotanya dan jadi sejuk dan dingin dalam jantungnya, walaupun diselimuti dengan kain berlapis-lapis, tiada berasa daripada

⁷¹ Dalam Ms. 33 terdapat penyakit kepialu, tetapi tidak digolongkan dalam demam sebaliknya mempunyai kedudukan yang tersendiri dalam sistem taksonominya dan tidak disebut sebagai demam kepialu.

⁷² A. Samad Ahmad, *Warisan Perubatan Melayu*, hal. 24 - 26.

sangat ketarnya itu kerana terlalu sejuk, kemudian jadi panas keluar peluh. Bermula demamnya itu tiap hari datang, sebab bercampur demam dengan balgham pada paru-paru⁷³ Contoh rumusan ubat demam kura dalam Ms. 33 adalah seperti berikut,

1. Pesakit hendaklah minum cuka dengan air madu yang dimasak pada pagi-pagi sebelum makan supaya muntah. Selepas muntah makanlah apam gandum serta kuah daging kambing. Diet harianya ialah daging yang dimasak dengan bawang putih, lada halia dan kunyit.
2. Ambil akar susun kelapa berat 3 timbang, lempoyang berat dua timbang, lengkuas berat setimbang, bawang putih berat setimbang, lada sulah berat setimbang, kapur batu berat setimbang dan cabai berat setimbang. Sekelian bahan-bahan ini digiling lumat-lumat dengan air limau nipis. Bahan-bahan ini kemudiannya direbus dengan air tiga kali lebih banyak darinya dan direbus sehingga hanya tinggal sebahagi sahaja dan hingga hancur bahan-bahan yang direbus supaya mudah diminum. Sesudah itu ambil besi tiga bilah, bakar dengan api dan dicelupkan dalam ubat itu yang telah diisi dalam cawan dan diminum oleh pesakit.⁷⁴

Kitab Taiyib al-Ihsān, membebagikan demam kepada enam jenis, berlaku disebabkan oleh ketidakseimbangan humor dalam badan manusia. Demam yang dibagikan kepada enam jenis ini ialah,

1. Demam kerana berlebihan safra
2. Demam kerana berlebihan darah
3. Demam kerana berlebihan balgham

⁷³ Ibid., hal. 28

⁷⁴ Ibid., hal. 27 -28

4. Demam kerana berlebihan sauda
5. Demam kerana belebihan darah dan balgham
6. Demam kerana kepenatan, dukacita dan banyak berjaga.⁷⁵

Semua jenis demam yang diberikan dalam *Kitab Taiyib al-Ihsān* ini dirawat dengan mengambil ubat dan makanan yang dapat menyeimbangkan kandungan humor tertentu dalam badan. Untuk merawat demam kerana berlebihan safra dalam badan, emetik yang dibuat daripada air limau dan gula digunakan. Setelah muntah pesakit itu akan diberi makan kuih sagun (Kuih dari beras) dan tepung gandum yang dimasak berserta kuah anak ayam. Jika masih tidak mendatangkan kesan pesakit itu akan diberi pencahar yang akan mengeluarkan safra melalui dubur.

Untuk demam kerana berlebihan darah, Syeikh Ahmad Fatani menyebut bahawa berbekam adalah ubat yang terbaik. Selain daripada itu pesakit juga hendaklah berpantang daripada memakan makanan yang mengandungi daging. Berbekam dapat membuang darah dari badan manakala daging pula mempunyai khasiat panas jika dimakan berlebihan. Demam kerana berlebihan balgham dirawat dengan memberi emetik yang terdiri dari cuka dan madu lebah. Diet harian pula ialah kuih sagun dan gula dan jika pesakit berkenaan berselera makan hendaklah diberi ia makan tepung gandum yang dimasak dengan kuah anak ayam.

Demam kerana banyak sauda pula diubati dengan memberi minum air susu lembu, minyak sapi, manisan lebah dan berpantang dari makan makanan yang lain. Demam kerana banyak darah dan balgham pula diubati dengan memberi pesakit emetik hingga muntah dan kemudian diberi makan madu lebah yang asli yang telah

⁷⁵ Untuk pembahagian penyakit dan rumusan ubat yang diberikan lihat *Kitab Taiyib al-Ihsān*, hal. 46 - 47

dibuang buihnya. Madu lebah ini kemudiannya dicampur dengan mustaki dan lada hitam serta halia. Pesakit juga digalakkan memakan tepung gandum yang halus yang telah dimasak dengan kuah daging kibas.

Demam juga boleh berlaku kerana penat, kurang tidur dan dukacita yang berpanjangan. Ia juga boleh disebabkan terlalu banyak mengambil pencahar, sentiasa haus dan pemakanan yang tidak seimbang. Semua ini secara langsung menghilangkan keseimbangan badan. Demam ini menurut pengarang *kitab Taiyib al-Ihsān* sebagai demam yang disebabkan oleh badan yang kering kerana kepanasan organ-organ badan. Ubat yang dicadangkan ialah memakan makanan yang melembabkan badan dan membanyakkan darah seperti buah badam dengan gula dan kuah ayam muda dan labu air serta daun bilam. Semua bahan ini mempunyai khasiat sejuk dan dapat menyegarkan dan meyeimbangkan humor dalam badan.

3.4.3 Lelah

Dalam Ms. 33 lelah dikategorikan sebagai penyakit yang sejuk dan diakibatkan oleh balgham yang mengganggu penafasan. Penyakit lelah ada kaitannya dengan penyakit banyak balgham dan penyakit esak (sesak) nafas. Untuk merawat lelah rawatan untuk membuang balgham dengan emetik tertentu diberikan terlebih dahulu kerana balgham yang berhimpun di paru-paru itulah dikatakan menyebabkan lelah.

⁷⁶ Dua rumusan ubat dan kaedah rawatan yang diberikan adalah seperti berikut;⁷⁶

⁷⁶ A. Samad Ahmad, *Warisan Perubatan Melayu*, hal. 35

1. Ambil cuka secupak, ibu kunyit secupak, dimasak hingga susut tinggal tiga heling. Pesakit diberi minum ramuan ini hingga habis. Kemudian buat pula ubat makannya iaitu; kapur barus, kayu kelembak, gaharu, cendana, akar ceraka dan dua jenis bawang iaitu bawang merah dan bawang putih. Sekelian bahan ini dijadikan serbuk dan dimasak dengan madu dan kemudian digentelkan menjadi makjun. Makjun ini dimakan berulang-ulang oleh pesakit yang lelah.

2. Ambil daun sempaka, daun kenanga dan daun tanjung segenggam erat tiap-tiap satunya. Kemudian giling dengan hujung malukut dan mata kunyit, perah ambil patinya dan beri minum pada orang sakit itu. Ubat yang disediakan itu untuk dimakan selama tujuh hari, selepas habis ulang membuatnya semula untuk dimakan selama tujuh hari lagi hingga sembuh.

Dalam *Kitab Taiyib al-Ihsān Fi Tib al-Insān* penyakit lelah dan susah bernafas dirawat dengan rumusan ubat seperti berikut;⁷⁷

1. Pesakit berkenaan akan minta menelan inggu seberat setengah dirham dan diikuti dengan meminum satu gelas daripada air rebusan buah tin, karawiya (sejenis lada), adas manis dan jintan putih yang telah direndam dalam cuka.

2. Madu lebah yang dicampur dengan air safron juga merupakan ubat lelah yang mujarab.

Bahan yang digunakan dalam rumusan ubat di atas adalah bahan yang mempunyai khasiat panas kecuali cuka yang mempunyai khasiat sejuk kerana rasa

⁷⁷ Lihat *Taiyib al-Ihsān*, hal. 30

masamnya. Bahan-bahan yang panas ini direndam dengan cuka untuk memberi kualiti tambahan terhadap bahan-bahan yang digunakan.

Kitab Bustān al-salātīn menggunakan materia medika yang mempunyai khasiat panas untuk merawat lelah. Bahan yang mempunyai khasiat panas boleh menghancurkan angin dan membuang balgham yang berlebihan dalam paru-paru. Contoh bahan yang panas yang disebut dalam kitab ini ialah lengkuas(*Alpinia officinarum*) dan biji sawi(*Brassica juncea*).

3.4.4 Reumatisme

Semua teks yang dikaji memberi deskripsi reumatisme sebagai penyakit dengan simptom-simptom seperti lenguh dan bengkak di bahagian-bahagian sendi jari dan kaki. Punca penyakit ini ialah angin dan anasir sejuk yang masuk dalam tubuh seseorang. Merawat reumatisme dimulakan dengan langkah menghalang unsur-unsur angin dan sejuk sampai kepada pesakit. Walaupun berbagai-bagai campuran ubat diberikan dalam kitab Tibb dan susah untuk menentukan khasiat masing-masing, tetapi kebanyakan bahan adalah bersifat panas jika didasarkan kepada rasanya.

Antara rumusan ubat yang diberikan oleh Ms. 33 ialah seperti di bawah:

1. Ambil daun maja, daun lenggundi, daun suntang, daun saga, putik dan daun capa dan daun cermai. Ambil juga buah pala, cabai dan halba yang masing-masing berat setengah tahil. Ambil juga halia lekar hutan, keladi puyuh, bawang kedua dan lada sulah. semua bahan-bahan ini digiling sehingga lumat dan dihancurkan dengan air madu dan dimakan sebesar jari manis sekali sehari.

2. Ambil akar nyiur , akar pinang, sundak lalang, kulit buah delima, sulur bonglai, ibu kunyit, akar merbau sebelah matahari naik dan buah pala. Sekelian bahan-bahan ini direbus dengan air tiga heling sehingga susut tinggal seheling dan diminum.
- 3.Ambil jadam atau mur dan belerang. Bahan-bahan ini diasah dengan putarwali dan dibubuh di tempat yang sakit.⁷⁸

Dalam *Kitab Taiyib al-Ihsān*, rumusan ubat yang diberikan adalah seperti berikut:

Panaskan satu waqiah daripada minyak lembu yang lama hingga mengelegak dan dicampurkan kedalamnya satu waqiah madu lebah dan dipanaskan hingga mengelegak pula, kemudian ditambah di dalamnya satu waqiah air susu halyab dan dipanaskan juga hingga menggelegak. Ubat yang disediakan ini diminum dalam keadaan suam pada pagi-pagi hari sebelum makan makanan yang lain.⁷⁹

Daripada rumusan di atas dapat dilihat bagaimana penyakit reumatisme telah dijeniskan sebagai sejenis penyakit yang sejuk dan segala ubat yang dirumuskan mestilah membawa sifat yang berlawanan iaitu sifat panas supaya ia dapat mengubah humor balgham yang sejuk yang menjadi punca penyakit ini.

3.4.5 Keracunan

Antara bahan yang digunakan sebagai materia medika oleh orang Melayu untuk menyembuhkan penyakit termasuklah bahan yang bersifat toksid. Cara mengendalikan

⁷⁸ A. Samad Ahmad, *Warisan Perubatan Melayu*, hal. 85 -86

⁷⁹ *Kitab Taiyib al-Ihsān*, hal. 43

materia medika ini memerlukan kemahiran yang tinggi kerana pengendalian yang salah akan menyebabkan kemudaratan kepada pesakit. Kemahiran mengendalikan bahan yang beracun atau bertoksid ini ada kaitan dengan kemahiran orang Melayu menyediakan rumusan beracun untuk tujuan-tujuan tertentu sejak zaman dahulu kala lagi.⁸⁰ Kemahiran menyediakan bahan beracun ini biasanya disertai dengan kemahiran merumuskan antidot.

Dalam semua naskah yang dikaji terdapat beberapa bahan yang mempunyai sifat toksid yang biasa digunakan seperti apiun, hingga, warangan atau tuba tikus dan raksa.

Dalam *Bustān al-Salātīn* bahan-bahan yang mempunyai khasiat pada darjat yang keempat biasanya mempunyai kesan yang akan memudaratkan badan. Contohnya apiun (*Papaver somniferum*) mempunyai khasiat sejuk dan kering pada darjat yang keempat. Begitu juga hingga (*Ferula asafeotida*) mempunyai kesan yang memudaratkan badan kerana mempunyai khasiat hangat pada darjat keempat dan kering pada darjat ketiga. Bahan-bahan ini walaupun diketahui mempunyai sifat toksid tetapi masih dijadikan ubat terutama untuk bahagian luar badan. Jika diberikan secara oral atau dicampurkan dalam rumusan ubat tertentu, hanya kuantiti kecil bahan berkenaan digunakan. Sungguhpun begitu kitab *Bustān al-Salātīn* menyebut kesan-kesan sampingan materia medika yang mempunyai khasiat pada darjat keempat, contohnya apiun boleh menyebabkan penggunaanya hilang akal dan mudah menjadi perlupa.⁸¹

⁸⁰ Lihat misalnya Gimlette, J. D., *Malay Poisons and Charm Cures*.

⁸¹ *Bustān al-Salātīn*, Ms. no 21514, hal. 121

Dalam *Kitab Taiyib al-Ihsān*, selain daripada bahan-bahan bertoksid seperti di atas, terdapat juga bahan daripada haiwan yang bersifat toksid yang digunakan sebagai ubat penyakit karang. Ubat yang digunakan ini ialah sejenis serangga yang dipanggil dendang (*Coleoptera spp.*). Dalam masyarakat Melayu Kelantan, dendang dijadikan racun yang dimasukan dalam kuih untuk membunuh dan memudratkan seseorang.⁸² Dalam *Kitab Taiyib al-Ihsān*, cara penggunaan ubat ini ialah membahagikan seekor dendang kepada empat bahagian untuk dimakan empat kali. Pengarang kitab ini menyebutkan jika dendang ini dimakan seekor sekali gus akan menyebabkan orang yang memakannya mabuk. Untuk menghilangkan kesan mabuk pesakit akan diberi minum air kelapa.⁸³

Ms. 33 paling banyak memberikan kegunaan bahan-bahan yang bertoksid sebagai ubat sama ada untuk kegunaan luar ataupun pengambilan secara oral. Antara ubat atau penawar yang diberikan dalam Ms. 33 yang boleh menghilangkan keracunan dalam badan seseorang ialah dengan cara jampi dan doa. Ms. 33 juga memberikan beberapa rumusan antidot yang terdiri daripada campuran beberapa jenis materia medika seperti berikut;

1. Ambil daun pulut-pulut, ramas dengan air bermalam dan ditapis. Kemudian bubuh minyak lenga dan diberi minum kepada orang yang terkena racun itu.
2. Ambil nyiur hijau sebiji, sebaik-baiknya disebelah matahari naik, nyiur itu dibelah tiga. Kemudian ambil satu dari tiga bahagian itu dan kukur serta ambil patinya. Sesudah itu ambil tandan pisang kelat yang baharu terbit, potong tandan itu dan ambil getahnya

⁸² Gimlette, J. D., *Malay Poisons and Charm Cures*, hal. 285

⁸³ *Kitab Taiyib al-Ihsān*, hal. 39

yang seperti sutera dan dibubuh dalam pati santan itu. Bahan itu kemudiannya diembun pada pagi-pagi dan dimakan oleh pesakit selama tiga hari.

3. Ambil sepit ketam laut asah dengan air limau nipis dan bubuh ke tempat yang kena luka beracun.⁸⁴

Dalam *kitab Taiyib al-Ihsān*, rumusan penawar racun diberikan seperti berikut;

1. Jintan hitam dan bawang putih ditumbuk sama banyak sehingga lumat, dan dicampurkan dengan susu dan kemudian dimasak di atas api. Apabila telah kering dicampurkan ke dalamnya minyak sapi dan dimasak hingga kering, kemudian diangkat dari api dan dicampur dengan madu lebah yang telah dibuang buihnya. Orang yang terkena racun hendaklah mengamalkan makan ubat ini sebanyak satu mitqal sekali minum.
2. Ubat lain yang diberikan dalam Kitab ini merupakan ubat berbentuk tunggal antaranya ialah, minyak balsam, minyak lenga, perahan kulit limau nipis, air kencing manusia, atau dengan menggunakan batu dari haiwan(geliga). Pengarang kitab ini juga memberikan satu huraian yang agak panjang lebar tentang apakah jenis-jenis batu dari haiwan yang berkesan untuk mengeluarkan racun dari badan.⁸⁵

Dalam *Kitab Bustān al-salātīn*, minyak sapi juga disebut sebagai satu-satu materia medika penting untuk membuat antidot kepada racun. Caranya ialah dengan mencampurkan dalam minyak sapi berkenaan air madu dan buah badam. Dalam teks-

⁸⁴ A. Samad Ahmad, *Warisan Perubatan Melayu*, hal. 115

⁸⁵ *Kitab Taiyib al-Ihsān*, hal. 57

teks lain juga minyak sapi telah disebut sebagai satu bahan untuk merawat orang yang terkena racun.

Daripada contoh-contoh rumusan ubat yang diberikan di atas menunjukkan bagaimana teori farmakologi humoral telah diikuti dengan setianya oleh ketiga-tiga naskah yang dikaji. Dengan pemahaman tentang jenis penyakit dan khasiat yang ada pada ubat, rawatan berdasarkan prinsip alopati menjadi satu mekanisme mencegah dan merawat penyakit. Persedian mencegah penyakit menggandingkan penggunaan agen farmaseutik dengan unsur-unsur pencegahan yang lain seperti berpantang, mengawal cara pemakanan dan juga mengamalkan tabiat hidup yang sihat. Selain daripada kepentingan merawat, prinsip mencegah lebih baik daripada mengubat menjadi sebahagian daripada amalan farmakologi Melayu. Ini boleh dilihat dalam saranan dan juga pantang larang yang disebutkan dalam ketiga-tiga teks yang dikaji.

Kesemua cara penyelengaraan dan juga pemilihan ubat yang digunakan dalam farmakologi Melayu adalah dalam rangka teori farmakologi seperti yang telah dihuraikan di bahagian awal bab ini. Walaupun segala usaha rawatan dijalankan dengan berbagai-bagai kaedah penyelengaraan ubat tetapi kejayaan menyembuhkan penyakit dan mengembalikan kesihatan bukanlah sesuatu yang bersifat mestilah sebaliknya hanya bersifat mungkin. Ini sesuai dengan pandangan teologikal orang Melayu yang kebanyakannya bermazhab Ahli-Sunnah wal Jamaah aliran Asyaariah. Mazhab ini berpendapat bahawa Tuhan adalah penyebab akhir kepada sesuatu fenomena dan berlakunya sesuatu fenomena bukan kerana kaitan langsung antara sebab dan musabab tetapi kerana kehendak Allah.⁸⁶ Dalam farmakologi, orang-orang

⁸⁶ Perbahasan tentang kasualiti antara golongan Asyaariah dan Masya'iyyun telah dihuraikan oleh Hairudin Harun, Lihat Hairudin Harun, *Daripada Sains Yunani Kepada Sains Islam* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya) hal. 118 -138. Kasualiti golongan Asyaariah ini

Melayu merasionalkan doktrin ini dengan mengaitkan aspek terapeutik sebagai usaha atau ikhtiar dan ia tidak bercanggah dengan kehendak Tuhan.

Prinsip-prinsip tentang kesihatan, pemulihan kesihatan dengan rawatan-rawatan yang menggunakan berbagai-bagai jenis materia medika adalah salah satu warisan sains silam yang dapat dimanfaatkan oleh manusia moden hari ini jika ia dipelajari dan disesuaikan penggunaannya untuk zaman sekarang. Usaha mempelajari sains silam ini harus dijalankan secara bersepada iaitu selain daripada mencari data-data saintifik tentang meteria medika yang digunakan, harus juga diikuti dengan pencarian tentang makna-makna dan rasional pemilihan dan penggunaan materia medika berkeraan. Aspek-aspek seperti ini telah dibincangkan dan cuba diselami dalam bahagian Satu kajian ini.